

**TERMA DAN SYARAT**  
**"Rujuk Preferred CIMB 2025 / 2026"**

1. "Rujuk Preferred CIMB 2025 / 2026" ("Kempen") dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad [No Pendaftaran: 197201001799] ("CIMB Bank") dan CIMB Islamic Bank Berhad [No Pendaftaran: 200401032872] ("CIMB Islamic"). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic di sini secara kolektif dirujuk sebagai ("CIMB").
2. Kempen ini hendaklah dijalankan dari **1 Julai 2025 hingga 30 Jun 2026, termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Kempen")**.

#### Kelayakan

3. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan CIMB yang sedia ada dan baru ("Pelanggan Layak").
4. Walau apa pun Fasal 3, individu/entiti berikut TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:
  - (i) Kakitangan atau pekerja tetap, sementara dan/atau kontrak CIMB Bank, CIMB Investment Bank Berhad dan/atau CIMB Islamic (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitannya); dan/atau
  - (ii) Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Organisasi/Pertubuhan Amal/Bukan Untung, Pelanggan Korporat dan Komersial; dan/atau
  - (iii) Individu di bawah umur 18 tahun; dan/atau
  - (iv) Pemegang akaun CIMB tanpa nombor mudah alih sah yang didaftarkan dalam rekod CIMB; dan/atau
  - (v) Pemegang akaun CIMB terpilih yang telah ditawarkan untuk menyertai kempen CIMB yang lain.
5. Berhubung dengan Akaun Bersama, hanya pemegang akaun pertama yang dinamakan iaitu pemegang akaun utama layak untuk menyertai Kempen ini ("Pemegang Akaun Utama"). Untuk tujuan Kempen ini, pemegang akaun bersama selain daripada Pemegang Akaun Utama tidak akan layak untuk menyertai Kempen ini.

#### Mekanik Kempe

6. (a) Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan Layak ("Perujuk") hendaklah merujuk dan memberikan nama dan nombor telefon rakan atau ahli keluarga yang baru kepada CIMB ("Referi") kepada CIMB dalam Tempoh Kempen di mana Perujuk hendaklah mematuhi perkara berikut:-
  - (i) melengkapkan borang rujukan Rujuk Preferred CIMB 2025 / 2026 ("Borang Rujukan") yang boleh diperolehi daripada Pengurus Perhubungan CIMB atau Pengurus Perkhidmatan Kewangan Pelanggan CIMB; dan mengembalikannya kepada mana-mana Pengurus Perhubungan CIMB atau Pengurus Perkhidmatan Kewangan Pelanggan CIMB selewat-lewatnya pada 30 Jun 2026; dan
  - (ii) mendapatkan persetujuan Referi untuk mendedahkan butiran Referi termasuk nama Referi dan nombor hubungan kepada CIMB untuk CIMB menghubungi mereka. Dalam hal ini, Perujuk dengan ini bersetuju untuk CIMB mendedahkan nama Perujuk apabila Referi berjaya mendaftar untuk Status Preferred CIMB dengan CIMB.
- (b) Dengan menyediakan dan menyerahkan maklumat peribadi Referi kepada CIMB untuk Kempen/ Program Rujuk Preferred CIMB, Perujuk mewakili dan mengesahkan bahawa Perujuk:
  - (i) telah mendapat persetujuan Referi untuk memberikan nama, nombor telefon, dan cawangan pilihan CIMBnya kepada CIMB untuk tujuan Kempen dan membolehkan CIMB menghubungi Referi untuk sebarang perkara yang berkaitan dengan Kempen;
  - (ii) memberi kuasa kepada CIMB untuk mendedahkan nama Perujuk kepada Referi atas permintaan Referi, jika ada;
  - (iii) mengesahkan bahawa tiada persetujuan lanjut daripada Referi wajar atau diperlukan berhubung dengan tujuan yang dinyatakan dalam Fasal 6(b)(i) terma dan syarat ini;
  - (iv) mengesahkan bahawa Referi telah mengakses dan/atau membaca Notis Privasi yang dikeluarkan oleh Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di semua cawangan CIMB serta di laman sesawang CIMB di [www.cimbbank.com.my](http://www.cimbbank.com.my) atau [www.cimbpreferred.com.my](http://www.cimbpreferred.com.my) atau sebaliknya telah disediakan kepada Referi dan mengesahkan persetujuannya untuk perkara yang sama; dan

- (v) mengesahkan bahawa jenis Rujukan akan dimaklumkan kepada Perujuk kerana apabila rujukan berjaya, Perujuk akan diberi ganjaran Ganjaran Tunai mengikut Jenis Rujukan di bawah Fasal 8 (i).
- (vi) bersetuju untuk menanggung rugi CIMB terhadap sebarang kerugian, kerosakan dan atau penalti yang mungkin ditanggung oleh CIMB yang timbul daripada representasi dan pengesahan di bawah Fasal 6 (b) ini.
7. Perujuk apabila memenuhi Fasal 6 (a) dan (b) di atas dan selepas rujukan Referi berjaya akan diberi dengan Ganjaran Tunai yang dinyatakan dalam Fasal 13 di bawah.
8. Untuk tujuan Kempen ini, Rujukan yang Berjaya hendaklah bermaksud perkara berikut:
- (i) Referi berjaya memenuhi **SATU** jenis Rujukan di bawah (a), (b) ATAU (c)

<b>a. Pelanggan Preferred Baru dengan Deposit <math>\geq</math>RM250,000</b>	<b>b. Pelanggan Preferred Baru dengan <math>\geq</math>RM250,000 dalam Deposit, Pelaburan dan/atau Bancassurance</b>	<b>c. Pelanggan Preferred Baru dengan <math>\geq</math>RM1 juta dalam Deposit, Pelaburan dan/atau Bancassurance</b>
<p>(i) Referi berjaya menjadi CIMB Preferred dengan menempatkan jumlah gabungan Deposit minima sebanyak RM250,000.00 ("AUM") dalam mana-mana akaun deposit CIMB di bawah akaun tunggal atau bersama Referi sebagai pemegang akaun utama sepanjang Tempoh Kempen; DAN</p> <p>(ii) Referi MESTILAH mengekalkan jumlah gabungan AUM minima sebanyak RM250,000 pada setiap masa untuk sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari bulan penyertaan sebagai CIMB Preferred;</p>	<p>(i) Referi berjaya menjadi CIMB Preferred dengan menempatkan jumlah gabungan minima sebanyak RM250,000.00 ("AUM") dalam mana-mana akaun deposit dan produk Wealth, di bawah akaun tunggal atau bersama Referi sebagai pemegang akaun utama sepanjang Tempoh Kempen; DAN</p> <p>(ii) Referi MESTILAH mengekalkan jumlah gabungan AUM minima sebanyak RM250,000 termasuk Deposit dan Wealth, pada setiap masa untuk sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari bulan penyertaan sebagai CIMB Preferred; DAN</p>	<p>(i) Referi berjaya menjadi CIMB Preferred dengan menempatkan jumlah gabungan minima sebanyak RM1,000,000.00 ("AUM") dan/atau produk Wealth dengan RM500,000 minima dalam Akaun Simpanan/-i dan Akaun Semasa/-i ("CASA/-i") atau Wealth, di bawah akaun tunggal atau bersama Referi sebagai pemegang akaun utama sepanjang Tempoh Kempen; DAN</p> <p>(ii) Referi MESTILAH mengekalkan jumlah gabungan AUM minima sebanyak RM1,000,000 dengan minima RM500,000 dalam CASA/-i atau Wealth, pada setiap masa untuk sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari bulan penyertaan sebagai CIMB Preferred; DAN</p>

- (ii) Jumlah pengiraan Aset Di Bawah Pengurusan ("AUM") dan produk Wealth adalah bersih daripada caj jualan.
- (iii) Produk Wealth termasuk Pelaburan, Pelaburan Patuh Syariah, Bancassurance dan Bancatakaful. Produk sertaan Wealth yang dipilih boleh dilihat di laman sesawang Bank di [www.cimbpreferred.com.my](http://www.cimbpreferred.com.my), dan tidak termasuk Term Investment Account-i ("TIA-i") dan Daily Unrestricted Investment Account-i ("DURIAN-i") ("**Produk sertaan**")
- (iv) Referi mesti merupakan pelanggan baharu CIMB yang dinaik taraf oleh CIMB kepada status CIMB Preferred dalam tempoh tiga (3) bulan kalender selepas menjadi pelanggan baharu CIMB ATAU untuk Baru kepada Preferred (NTP) yang diperoleh pada tahun 2025, Referi ialah pelanggan CIMB sedia ada dengan AUM kurang daripada RM10,000 pada 31 Disember 2024 ("AUM Dasar") ATAU untuk NTP yang diperoleh pada tahun 2026 Referi ialah pelanggan CIMB sedia ada dengan AUM kurang daripada RM10,000 pada 31 Disember 2025 ("AUM Dasar")
9. Deposit yang dibuat oleh Referi dalam Fasal 8 hendaklah terdiri daripada dana yang didepositkan ke CIMB sepanjang Tempoh Kempen. Produk Deposit yang dipilih boleh dilihat di laman sesawang Bank di [www.cimbpreferred.com.my](http://www.cimbpreferred.com.my).

10. Tertakluk kepada Fasal 8 di atas, Deposit yang dibuat melalui cek adalah tertakluk kepada proses penjelasan dan hanya akan dianggap sebagai deposit untuk tujuan Kempen ini selepas cek tersebut dibayar atau dijelaskan.
11. Produk Deposit yang dipilih layak mendapat perlindungan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.
12. Sekiranya pada bila-bila masa dalam Tempoh Kempen, dua (2) Perujuk merujuk Referi yang sama, Perujuk pertama yang memenuhi keperluan dalam Fasal 6 dan setelah Rujukan Berjaya dalam Fasal 9 akan berhak mendapat Ganjaran Tunai dalam Fasal 13.

#### Ganjaran Kempen

13. Tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini, Perujuk akan diberi ganjaran dengan ganjaran yang digambarkan dalam jadual di bawah untuk setiap rujukan yang berjaya (“**Ganjaran Tunai**”) dalam tempoh kempen. Untuk mengelakkan keraguan, setiap rujukan yang berjaya berhak menerima 1 jenis ganjaran rujukan sahaja.

Jenis Rujukan	Pelanggan Pilihan Baharu dengan Deposit $\geq$ RM250,000	Pelanggan Pilihan Baharu dengan $\geq$ RM250,000 dalam Deposit, Pelaburan dan/atau Bancassurance	Pelanggan Pilihan Baharu dengan $\geq$ RM1 juta dalam Deposit, Pelaburan dan/atau Bancassurance
Ganjaran Rujukan	RM238	RM488	RM888

Ganjaran Tunai di bawah Kempen ini dihadkan kepada RM424,500.00 berdasarkan konsep siapa cepat dia dapat apabila Referi ditetapkan sebagai pelanggan CIMB Preferred. Setelah memenuhi had Ganjaran Tunai, Kempen akan tamat dan CIMB akan memaklumkan Pelanggan Layak melalui:

- (i) pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
- (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
- (iii) iklan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
- (iv) melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

14. Ganjaran Tunai tidak boleh dipindah milik sama ada sebahagian atau sepenuhnya. Sebarang permintaan daripada mana-mana Pelanggan Layak atau pihak lain yang untuk memberikan atau menukar Ganjaran Tunai kepada mana-mana pihak ketiga adalah tidak dibenarkan.
15. Semua maklumat yang diberikan oleh Pelanggan Layak berhubung dengan atau untuk tujuan Kempen mestilah benar, tepat, terkini dan lengkap. Pelanggan Layak yang gagal mematuhi keperluan ini akan hilang kelayakan Kempen ini dengan serta-merta dan tidak akan layak untuk menerima Ganjaran Tunai.
16. Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke Akaun Simpanan/-i atau Akaun Semasa/-i Pelanggan Layak yang aktif dalam rekod CIMB dalam tempoh dua puluh hingga dua puluh empat (20-24) minggu selepas bulan penyertaan sebagai CIMB Preferred. Pelanggan Layak akan dimaklumkan oleh CIMB melalui khidmat pesanan ringkas ("SMS") selepas Ganjaran Tunai berjaya dikreditkan.
17. Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan/-i atau Akaun Semasa/-i Pelanggan Layak yang berada dalam keadaan yang baik. Sekiranya Pelanggan Layak memegang kedua-dua Akaun Semasa Preferred, Akaun Semasa-i Preferred, Akaun Simpanan-i Preferred, Akaun Simpanan/-i atau Akaun Semasa/-i, Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke Akaun Semasa Preferred, Akaun Semasa-i Preferred atau Akaun Simpanan-i Preferred.
18. Pada masa mengkreditkan Ganjaran Tunai ke Akaun Simpanan/-i atau Akaun Semasa/-i, akaun MESTI berada dalam keadaan baik dan MESTI TIDAK melanggar mana-mana terma dan syarat Akaun Semasa Preferred/ Akaun Semasa-i Preferred dan/atau Akaun Simpanan-i Preferred atau Akaun Simpanan/-i atau Perjanjian Akaun Semasa/-i, dan/atau tidak sah atau dibatalkan dalam definisi CIMB, jika tidak, Ganjaran Tunai akan dilucutahkan.

19. Mana-mana Ganjaran Tunai yang tidak dituntut oleh Pelanggan Layak sebelum 31 Disember 2026 akan dilucutahkan. Pelanggan Layak yang Ganjaran Tunainya telah dilucutahkan tidak layak menerima sebarang bayaran pampasan tanpa mengira alasan untuk tidak menuntut Ganjaran Tunai.
20. Sebarang permintaan daripada Pelanggan Layak untuk mengkreditkan Ganjaran Tunai ke akaun lain kepunyaan Pelanggan Layak Adalah tidak dibenarkan.
21. Ia merupakan tanggungjawab sepenuh Pelanggan Layak untuk memastikan nombor telefon dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyerat mereka (“**Butiran Hubungan**”) yang diberikan kepada CIMB adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB sekiranya sebarang perubahan dibuat yang dibuat oleh mereka. CIMB berhak untuk membatalkan Ganjaran Tunai sekiranya Butiran Hubungan Pelanggan Layak yang disimpan dalam rekod CIMB adalah tidak sah dan/atau tidak dikemas kini. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak untuk sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turut berbangkit daripadanya) yang dialami atau ditanggung sekiranya Butiran Hubungan yang disimpan dalam rekod CIMB tidak terkini atau betul.
22. Pemberitahuan dan/atau penghantaran Ganjaran Tunai oleh CIMB akan berdasarkan nombor telefon Pelanggan Layak di Malaysia yang dikekalkan dengan CIMB.
23. Semua risiko, kerugian atau kerosakan yang berkaitan dengan penebusan atau penggunaan Ganjaran Tunai hendaklah ditanggung oleh Pelanggan Layak.
24. Pelanggan Layak hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk perkara berikut sebagai hasil daripada penerimaan Ganjaran Tunai.
  - (i) sebarang obligasi pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai yang kena dibayar kepada mana-mana pihak berkuasa; dan
  - (ii) untuk mendapatkan nasihat bebas tentang kemungkinan implikasi terhadap keadaan kewangannya sendiri.

#### **Terma dan Syarat Am**

25. Pelanggan Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:
    - a) dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
    - b) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma dan Syarat ini;
    - c) mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang menjelaskan kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
    - d) memberi kebenaran kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta sebarang data peribadi mana-mana individu yang Pelanggan Layak mungkin berkongsi dengan CIMB menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my)
    - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
    - f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana obligasinya dalam Terma dan Syarat ini yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:
      - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
      - (ii) kegagalan elektrik;
      - (iii) pertikaian industri, peperangan, mogok atau rusuhan;
      - (iv) sebarang tindakan Tuhan di luar kawalan CIMB; atau
      - (v) sebarang faktor yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
26. Pelanggan Layak akan hilang kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Ganjaran Tunai akan dilucutahkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Ganjaran Tunai:

- a) Pelanggan Layak melanggar terma dan syarat yang mengawal Produk Yang Menyertai;
  - b) Produk Yang Sertaan ditamatkan atau ditutup atau dibuat tertakluk kepada sebarang lampiran, perintah yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang; atau
  - c) Produk Yang Menyertai adalah tertunggak, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan Layak, Referi atau CIMB.
27. CIMB mempunyai hak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang ditentukannya sebagai:
- a) mengganggu proses kemasukan; dan/atau
  - b) bertindak melanggar Terma dan Syarat ini.
28. CIMB berhak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberikan notis awal tujuh (7) hari kalender kepada Pelanggan Layak melalui:
- (i) pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
  - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
  - (iii) melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak untuk sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang penggantian Ganjaran Tunai dan/atau sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau lanjutan Kempen ini.
29. CIMB boleh menggantikan Ganjaran Tunai dengan item lain yang sama nilainya dan apabila CIMB berbuat demikian, CIMB akan memberitahu Pelanggan Layak.
30. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau reputasi baik, langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, contoh, punitif atau kerosakan khas) yang terhasil daripada:
- (i) Penyertaan atau tidak penyertaan Pelanggan Layak dalam Kempen ini; dan/atau
  - (ii) sebarang penerimaan yang tidak diterima atau tertunda oleh Pelanggan Layak bagi Perkhidmatan Mesej Ringkas ("SMS") dan/atau Mel Terus Elektronik ("EDM").
- melainkan kerugian atau kerosakan tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampaui CIMB atau keingkaran sengaja.
31. (a) CIMB berhak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini ("Pindaan") dengan memberikan notis awal dua puluh satu (21) hari kalender kepada Pelanggan Layak melalui:
- (i) pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
  - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
  - (iii) iklan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
  - (iv) melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang dipilih oleh CIMB.
- (b) Pindaan ini akan dianggap sebagai mengikat Pelanggan Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam pemberitahuan.
- (c) Jika perubahan itu diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, pengawalan, arahan, notis dan garis panduan ("Peraturan") maka ia akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Pelanggan Layak tentang perubahan ini secepat mungkin.
- (d) Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang CIMB secara berkala untuk melihat terma dan syarat Kempen ini dan untuk memastikan bahawa ia sentiasa dikemas kini dengan sebarang variasi kepada Terma dan Syarat ini.
32. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung Pindaan.

33. Pelanggan Layak hendaklah mengganti rugi CIMB sepenuhnya dan melindungi CIMB daripada menanggung rugi terhadap sebarang yuran, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
- penyertaan dalam Kempen; dan/atau
  - penerimaan, penebusan atau penggunaan Ganjaran Tunai; dan/atau
  - pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi Terma dan Syarat ini.
34. Terma dan Syarat ini:
- akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
  - hendaklah dibaca bersama-sama dengan terma dan syarat lazim Produk Sertaan yang akan digunakan sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.
35. Terma dan Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan peraturan, pengawalan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan kawal selia lain yang berkaitan yang CIMB tertakluk kepadanya.
36. Jika CIMB tidak melaksanakan hak yang dimilikinya dalam Terma dan Syarat ini, hal ini tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau mana-mana hak lain yang CIMB miliki pada masa hadapan.
37. (a) Pelanggan Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB (“**CRU**”) untuk sebarang maklum balas, pertanyaan dan/atau aduan berkaitan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon dan e-mel:
- Alamat: Peti Surat 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan  
Nombor Telefon: 603 6204 7788  
E-mel: [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com)
38. CIMB boleh menukar butiran hubungan di atas dengan memberitahu Pelanggan Layak melalui pengumuman di laman sesawang CIMB atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh CIMB.
39. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas penyerahan Borang Rujukan yang lewat, hilang, tidak lengkap, salah diserahkan, tertangguh, tidak boleh dibaca, rosak atau salah arah atau surat-menyerat berkaitan sama ada disebabkan oleh kesilapan, ketinggalan, pengubahan, gangguan, pemadaman, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya melainkan yang sama disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau CIMB atau keingaran sengaja.
40. Laman sesawang CIMB mungkin mengandungi pautan ke laman sesawang lain (“**Pautan Pihak Ketiga**”). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Pelanggan Layak mengklik Pautan Pihak Ketiga, Pelanggan Layak memahami bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko mereka sendiri dan CIMB tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak.
41. Jika produk/perkhidmatan yang berkaitan dengan Kempen ini yang telah dilanggan oleh Pelanggan Layak ditawarkan oleh CIMB Bank, sebarang pertanyaan Pelanggan Layak akan diuruskan oleh CIMB Bank. Begitu juga, jika produk/perkhidmatan ditawarkan oleh CIMB Islamic, sebarang isu Pelanggan Layak akan ditangani oleh CIMB Islamic.